

# Sektor tani perlu pakar ekonomi

BH - 21/5/2007

## Kementerian mahu analisis pasaran dapat jual produk ke luar negara: Muhyiddin

Oleh Rohaniza Idris

**K**UALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bercadang melantik pakar ekonomi untuk membuat analisis aliran pertanian selaras usaha kerajaan menjadikan penjana ekonomi negara.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata beliau sudah meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengkaji perjawatan berkenaan.

"Jika JPA tiada calon yang layak, kementerian boleh melantik mereka yang ada kepakaran dan kelayakan daripada agensi di bawah kementerian untuk melakukan kerja menganalisis pasaran pertanian.

"Zaman sebelum dan awal selepas merdeka memang ada jawatan pakar

ekonomi yang menganalisis pasaran dalam dan luar negara bagi sektor pertanian.

"Sekarang tiada lagi jawatan itu kerana ia sudah dihapuskan selepas Unit Perancang Ekonomi (EPU) berpendapat pertanian tidak memerlukan pakar ekonomi," katanya dalam temubual dengan *Berita Harian*, baru-baru ini.

Muhyiddin menjelaskan sektor pertanian memerlukan pakar ekonomi untuk menganalisis bukan saja aliran pertanian dalam negara tetapi juga di luar negara.

Katanya, analisis itu penting untuk menembusi pasaran luar bagi bersaing dengan negara lain yang sudah maju dalam industri berkenaan.

"Kita kena tahu siapa pesaing, berapa yang mereka jual dan berapa yang boleh kita jual untuk menen-

tukan hala tuju pertanian dan perdagangan.

"Misalnya, dalam sektor perikanan, buah-buahan, sayuran dan produk pemprosesan. Jika mahu menembusi pasaran luar negara, kita perlu banyak masa untuk mengkaji aliran, permintaan dan produk. Ini sudah dilakukan negara yang sudah maju dalam pertanian," katanya.

Beliau berkata, analisis pertanian juga perlu bagi memberi maklumat yang tepat mengenai keadaan pasaran dan mengetahui kedudukan bekalan dan permintaan makanan.

"Ini kerana sektor pertanian adalah industri berkaitan sektor pengeluaran makanan," katanya.

Selain menganalisis pasaran, Muhyiddin berkata, penganalisis boleh memberi maklumat kepada menteri dan ketua setiausaha kementerian

**“Jika mahu menembusi pasaran luar negara, kita perlu banyak masa untuk mengkaji aliran, permintaan dan produk. Ini sudah dilakukan negara yang sudah maju dalam pertanian”**

**Muhyiddin Yassin**  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

bagaimana merancang pelan pembangunan dan bajetnya.

"Menerusi maklumat ini kita akan ketahui aliran sebenar industri dan ini tidak akan menyebabkan kita menggelabah dan tidak tahu apa cerita mengenai pasaran. Lagi pun, perancangan tidak boleh buat secara sementara," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, ketika ini kementerian tidak mempunyai pangkalan data yang lengkap mengenai sektor pertanian dan keadaan itu sedikit membantut perancangan.

"Maklumat yang ada hanyalah berdasarkan kepada rekod jabatan statistik yang menjalankan kajian setiap 10 tahun. Angka yang diperolehi itu mungkin tidak tepat kerana tidak menjelaskan secara khusus mengenai keadaan sebenar dalam lapangan," katanya.